

03/02/2004

Dr M puji kewibawaan Abdullah

LANGKAWI: Tun Dr Mahathir Mohamad memuji Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang membuktikan kewibawaannya selepas tiga bulan menjadi Perdana Menteri.

Bekas Perdana Menteri berkata, penggantinya itu menunjukkan pencapaian yang baik bagi memenuhi matlamatnya sejak mengambil alih tugas berkenaan pada 31 Oktober lalu.

Mengulas wawancara Abdullah yang disiarkan akhbar tempatan kelmarin, Dr Mahathir berkata, beliau mendoakan Perdana Menteri akan terus beroleh kejayaan.

"Beliau mencapai kejayaan yang baik dan membuktikan kemampuannya sebagai Perdana Menteri. Saya berdoa beliau terus berjaya," katanya selepas melawat kolam ternakan udang harimau Sumber Nadi Alam Sdn Bhd, di Bukit Malut, di sini semalam.

Ditanya apa yang dirasakannya sebagai pencapaian terbaik Abdullah, Dr Mahathir berkata: "Saya tak boleh buat penilaian macam tu...memadai secara umumnya."

Pada wawancara itu, antara lain Abdullah berkata, tiga bulan pertamanya sebagai Perdana Menteri adalah baik dan gembira dengan sokongan rakyat yang semakin yakin dengan kerajaan.

Terdahulu, dalam lawatan berkenaan, Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali melepaskan 50,000 udang harimau ke dalam satu daripada 22 kolam.

Beliau juga meminta pengusaha tidak membiarkan politik menjejaskan perniagaan mereka.

"Syukur projek ini tidak terjejas akibat politik. Politik saya sebagai contoh, adalah membawa pembangunan...tidak seperti yang dipraktikkan sesetengah pihak," katanya yang enggan mengulas lanjut.

Beliau berkata, projek ternakan itu adalah contoh terbaik kejayaan peniaga tempatan kerana negara ini mempunyai banyak peluang perniagaan.